

SEGERA DENGAN FAKS

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3 Klt.34(67)
Tarikh : 17 Februari 2016

**Ketua Pengarang
Malaysia Nanban**

Tuan,

**MAKLUM BALAS ADUAN AKHBAR MALAYSIA NANBAN BERTAJUK
"KEWARGANEGARAAN DIRAMPAS: JOSEPH RESAH" BERTARIKH
14 FEBRUARI 2016, AHAD – M.S: 11**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang dibangkitkan oleh Encik Jussoff @ Joseph a/l Muthuya berkenaan permohonan taraf kewarganegaraan yang masih tidak berjaya.

3. Ingin dimaklumkan, hasil siasatan mendapati Encik Jussoff @ Joseph a/l Muthuya telah mengemukakan permohonan taraf kewarganegaraan Malaysia di bawah Perkara 16 Perlembagaan Persekutuan sebanyak tiga kali iaitu pada 23.2.2011, 14.10.2012 dan 5.8.2014. Dua permohonan beliau yang terdahulu telah dikeluarkan dengan keputusan tidak berjaya manakala permohonan kali ketiga masih dalam tindakan JPN bagi pertimbangan dan kelulusan. Sebarang keputusan berkaitan permohonan tersebut akan dikemukakan secara bersurat berdasarkan alamat yang diberikan semasa permohonan dibuat.

4. Ingin dijelaskan jua, penganugerahan status kewarganegaraan hanya akan diberikan kepada mereka yang benar - benar layak dan memenuhi syarat yang telah ditetapkan seperti mempunyai pengetahuan asas Bahasa Melayu dan berkelakuan baik iaitu tidak terlibat dalam sebarang aktiviti yang menyalahi atau melanggar undang - undang. Namun demikian, memenuhi

syarat permohonan bukanlah bermakna permohonan tersebut akan diluluskan kerana ianya anugerah tertinggi kerajaan dan sebarang keputusan adalah muktamad serta tidak layak untuk dipersoalkan.

Sekian, terima kasih

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah.

(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)

Pegawai Perhubungan Awam,
b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.

☎ : 03-88807077

📠 : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

s.k.:

1. YBhg. Dato' KPPN
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
3. YBrs. Tuan TKPPN (O)
4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)